



UNIT KORPORAT

AKHBAR	: SINAR HARIAN
TARIKH	: 8.1.2019
MUKA SURAT	: 13
ISU	: RESTORAN TULAR TIADA SIJIL HALAL
BAHAGIAN	: PENGURUAN HALAL
TINDAKAN	: PEHAKLUMAN

# Restoran tular tiada sijil halal

*Gantung tangkal, pengusaha gagal menjaga kebersihan premis*

NUR FARHANA ABDUL MANAN & MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM

**R**estoran di Sekysen 25 di sini, yang tular di media sosial apabila seorang pekerjanya ditampar pelanggannya 1 Januari lalu, didapati bukan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah.

Dalam pemeriksaan bersepadu dijalankan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), premis turut didapati menggunakan bekalan bahan mentah termasuk daging kambing daripada pembekal yang tidak memiliki SPHM.

Timbalan Pengarah Operasi JAIS, Salwana Ahmad Dahlan berkata, pihaknya menjalankan siasatan di premis tersebut selepas menerima aduan orang awam yang keliru apabila terdapat ayat al-Quran digantung dalam premis, sedangkan pemiliknya dikatakan bukan beragama Islam.



Bekalan bahan mentah yang tidak disimpan dengan baik.



Keadaan restoran yang kotor kerana tidak menggunakan perangkap gris seperti disyaratkan PBT.

Menurutnya, pihaknya juga menerima aduan terdapat tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan, selain bungkusan kain kuning digantung di sebelah ayat al-Quran, dipercayai tangkal atau azimat.

"Hasil pemeriksaan sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), didapati pemilikan premis dikongsi dua individu, seorang beragama Islam manakala seorang lagi bukan beragama Islam. Semua pekerja bukan Islam, hanya dua orang beragama Islam.

"Apa yang meragukan, terdapat bungkusan kain kuning digantung

disebelah ayat al-Quran, dipercayai sebagai tangkal dan azimat," katanya menerusi satu kenyataan kepada Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan itu dijalankan Bahagian Pengurusan Halal JAIS, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Bahagian Penguatkuasaan JAIS.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati pengusaha gagal menjaga kebersihan, malah terdapat bahan mentah diletakkan di atas lantai pecah dan berlubang.

"Premis tidak guna perangkap

minyak seperti disyaratkan pihak berkuasa tempatan (PBT). Pengusaha juga didapati jual makanan diperoleh daripada pembekal luar yang guna logo halal tidak diiktiraf pada bungkusan produk," katanya.

Salwana berkata, tindakan diambil Bahagian Penguatkuasaan JAIS di bawah Sekysen 10 (a) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 kerana menghina agama Islam atau menyebabkan Islam dipandang hina.

Menurutnya, pemilik telah diarah hadir memberi keterangan di ibu pejabat JAIS.

"Pemilik diarah tidak menggan-

tung ayat al-Quran dalam premis dan tidak menjual makanan menggunakan logo halal tidak diiktiraf.

"Pemilik juga diarah tutup tulisan Jawi pada papan tanda yang kelirukan masyarakat beragama Islam. Sekiranya gagal patuhi arahan, tindakan diambil bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) AKta Periha; Dagangan 2011," katanya.

Sementara itu, JAIS turut menggesa orang ramai supaya mengutamakan premis memiliki sijil halal yang sah.

Orang ramai boleh menyemak status premis kedai makan yang memiliki sijil pengesahan halal menerusi laman web rasmi JAIS: [www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my).

Terdahulu, Sinar Harian melaporkan seorang pekerja restoran mendakwa ditampar pelanggannya, selepas menegur supaya tidak menghisap rokok di tempat makan pada 1 Januari lalu.

Kejadian berlaku apabila pekerja restoran berusia 25 tahun itu menegur tiga lelaki yang menghisap rokok di dalam restoran berkenaan, di Sekysen 25, di sini.

Pemilik restoran kemudian tampil buat laporan polis dan salinan laporan itu tular di media sosial.

Dengan tulangnya laporan polis itu, terdedah identiti sebenar pemilik restoran yang sebenarnya bukan beragama Islam.